

Sejarah Ketenteraan Tuluniyyah di Mesir Era Amir Ahmad ibn Tulun (254-270H/868-884M)

BITARA

Volume 1, Issue 1, 2018: 080-091
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[History of the Tuluniyyah Military in Egypt Era Amir Ahmad ibn Tulun (254-270H/868-884M)]

Zamri Ab Rahman¹ & Ezad Azraai Jamsari¹

Abstrak

Aspek ketenteraan begitu signifikan bagi memelihara kestabilan dan keutuhan sesebuah kerajaan. Dengan erti kata lain, sesebuah negara yang dikatakan kukuh dan disegani oleh kawan dan lawan perlu mempunyai angkatan tentera yang kuat dan mantap dari segi persenjataan selain daripada pengukuhan aspek politik, ekonomi dan sosial. Antara kerajaan Islam tersohor yang berjaya memanipulasikan elemen kekuatan ketenteraan ini sehingga menjadikan kerajaan tersebut berada dalam kelas tersendiri ialah Kerajaan Tuluniyyah di Mesir, khususnya ketika pada era pemerintahan pengasasnya *Amir Ahmad ibn Tulun* (254-270H/868-884M). Objektif kajian ini adalah untuk meneliti sejarah ketenteraan Ibn Tulun yang telah dilaksanakan oleh beliau sehingga berjaya menjadikan kerajaannya begitu disegani oleh pihak musuh mahupun pasukan sahabat. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan metode deskriptif menerusi analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah. Dapatkan kajian ini menghujahkan bahawa Ibn Tulun berjaya meletakkan penanda aras terhebat dalam sejarah pemerintahan Islam di Mesir pada abad ke-9M apabila kekuasaan beliau meluas dari Sham hingga ke sempadan Iraq di sebelah Timur dan Libya di sebelah Barat. Kemuncak kejayaan Ibn Tulun ialah apabila Mesir dan Sham berjaya dimerdekaan sepenuhnya daripada kekuasaan Kerajaan ‘Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad ketika itu.

Kata Kunci

Kerajaan Tuluniyyah, Kerajaan ‘Abbasiyyah, Islam di Mesir abad ke-9M, sejarah ketenteraan, Ahmad ibn Tulun

Abstract

The military element is so important to preserve the stability and legitimacy of a country. In other words, a nation that is considered to be powerful and valued by its associates and enemies needs to have a strong and stable military force, in addition to improving its political, economic and social aspects. Among the notable Islamic governments that successfully exploited this aspect of military power to make it a separate class was the Kingdom of Tuluniyyah in Egypt, particularly during the reign of its founder, *Amir Ahmad ibn Tulun* (254-270H/868-884 M). The objective of this study is to examine the military history of Ibn Tulun which he has carried out successfully in making his government respected by the enemy and friends. This research is a qualitative study with the application of historical study design. This research uses the documentation approach as a data collection tool by

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Ezad Azraai Jamsari, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: ezad@ukm.edu.my

relying on a variety of primary and secondary sources. This study as well uses descriptive methods by content analysis and source interpretation based on historical interpretation for the data analysis process. The outcomes of this study confirm that Ibn Tulun succeeded in setting the highest benchmark in the history of Islamic rule in Egypt in the 9th century when his power stretched from Sham to the border of East Iraqi and West Libya. The peak of Ibn Tulun's success was when Egypt and Sham gained independence from the Abbasid Kingdom which was based in Baghdad at that time.

Keywords

Tuluniyyah Kingdom, 'Abbasid Empire, Islam in 9th century Egypt, military history, Ahmad ibn Tulun

Cite This Article:

Zamri Ab Rahman & Ezad Azraai Jamsari. 2018. Sejarah ketenteraan kerajaan Tuluniyyah di Mesir era Amir Ahmad ibn Tulun (254-270H/868-884M). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 80-91.

Pengenalan

Kerajaan Tuluniyyah di Mesir ini terbahagi kepada beberapa era pemerintahan yang diasaskan oleh *Amir Ahmad ibn Tulun* (seterusnya Ibn Tulun) (254H-270H/868M-884M) dan diikuti selepasnya, Khumarawayh ibn Ahmad ibn Tulun (270H-282H/884M-896M). Seterusnya, legasi pemerintahan ini diteruskan pula oleh Jaysh ibn Khumarawayh (282H-283H/896M-896M) dan disusuli selepasnya oleh Harun ibn Khumarawayh (283H-292H/896M-905M). Kerajaan ini berakhir apabila pemerintahnya yang kelima iaitu Shayban ibn Ahmad ibn Tulun yang memerintah dari tahun 292H/905M ditewaskan oleh Muhammad ibn Sulayman pada tahun yang sama. Meskipun legasi kerajaan ini telah diterajui oleh lima orang pemimpin peneraju, namun era Ibn Tulun melakar kehebatan tersendiri dalam sejarah pemerintahan Kerajaan Tuluniyyah ini di Mesir (Ibn Khaldun 2000, 4:385).

Pernyataan Masalah

Ramai penulis dan sejarawan Islam mahupun Barat mengiktiraf kehebatan Kerajaan Tuluniyyah, khususnya pada era pemerintahan pengasasnya, Ibn Tulun. Antaranya ialah nukilan Ibrahim (t.th.: 2) yang bertajuk, *al-Jaysh wa Fikrat Istiqlal Misr khilal Fatrat Hukm Ahmad ibn Tulun*:

وقد شاعت الظروف أن يتولى حكم مصر في ذلك الوقت شخصية فذة هي شخصية أحمد ابن طولون، الذي استطاع بقدراته ومهاراته أن يجعل من مصر دولة مستقلة، وتمكن بفضل نبوغه الحربي والإداري من تسليم أمور السلطة في مصر، واستطاع الجيش في عصره وبقيادته من اخماد الثورات تثبت في مصر، وتمكن من اخماد الفتنة والقلاقل التي واجهت الأمن المصري الداخلي.

Kenyataan yang dibuat oleh penulis di atas amat penting dalam menghujahkan betapa Ibn Tulun boleh dianggap sebagai *Mr Perfect* kerana kejayaannya memacu wilayah Mesir sebagai sebuah kuasa baharu kerajaan autonomi. Selain disebabkan oleh personaliti dan karisma kepimpinannya (Ibn Khallikan 1968, 1:173), kemahiran Ibn Tulun memanipulasi faktor ketenteraan juga menjadi tunjang dalam membentuk kestabilan wilayah Mesir. Hal ini diperkuatkan lagi oleh penghujahan Shalabi (1990: 92) dalam bukunya, *Mawsu‘at al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah* yang menegaskan asas utama yang menunjang kejayaan pemerintahan Ibn Tulun juga ialah kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh beliau. Kenyataan ini juga amat senada dengan pengiktirafan Bonner (2010: 573) yang membuktikan bahawa Kerajaan Tuluniyyah pada era Ibn Tulun sebagai zaman emas yang sukar ditandingi oleh mana-mana pemerintah selepasnya.

Justeru, bertitik tolak daripada pernyataan di atas, kajian ini akan membahas dan memperincikan aspek ketenteraan Banu Tulun, khususnya pada era pengasasnya, Ibn Tulun yang telah dilaksanakan oleh beliau sehingga berjaya menjadikan kerajaannya begitu disegani oleh pihak musuh mahupun pasukan sahabat.

Metode Kajian

Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan kepada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan metode deskriptif menerusi analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah.

Tinjauan Literatur

Dalam bidang sejarah dan tamadun Islam, perbincangan berkaitan sejarah ketenteraan ini sentiasa diberi perhatian oleh penulis Barat dan sejarawan Islam. Antara sumber bidang ini yang mewakili kalangan cendekiawan Barat ialah seperti Hitti (1968), Kennedy (1996; 2001; 2007), Pyror (1988) dan Lane-Poole (2008) yang banyak membincangkan aspek sejarah ketenteraan secara khusus. Pada masa yang sama, antara sumber klasik dan kontemporari Arab yang turut membahaskan aspek ketenteraan Islam secara langsung atau tidak langsung dapat diperhatikan dalam garapan sejarawan dan penulis seperti al-Tabari (1967), Faraj (1979), al-Waqidi (1989), Mahfuz (1994), Ibn al-Athir (1997) Ibn Kathir (1998) dan Qamar (2011). Penulisan lain yang menyentuh aspek ketenteraan secara umum turut dilakukan oleh Burhanuddin, Sayuti dan Amnah Saayah (2017), yang membahaskan kepentingan pendidikan Islam untuk saudara baharu anggota ATM. Seterusnya, Burhanuddin et al. 2017, mengupas aspek perancangan institusi ketenteraan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW menerusi *al-Maqasid al-Shar‘iyyah*, khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan dan penjagaan hak-hak manusia yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT.

Sementara itu, aspek khusus berkaitan kajian Ibn Tulun dalam Bahasa Melayu masih belum digiatkan lagi meskipun beberapa penulis tempatan telah mendepani kajian dalam bidang sejarah dan tamadun Islam ini, khususnya berkaitan aspek ketenteraan. Antaranya ialah seperti

Ezad Azraai (2002) yang mengupas sumbangan tamadun dan kelangsungan politik Kerajaan Nasriyyah di Granada, Andalus. Seterusnya, beliau membuat kajian susulan mengenai kegemilangan Kerajaan Nasriyyah yang berjaya memerintah Granada sehingga mencapai tempoh dua abad setengah (Ezad Azraai et al. 2011). Selanjutnya, Ezad Azraai Jamsari et al. (2013) membahaskan sejarah Islam di India berpandukan kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir. Kajian berkaitan Kerajaan Banu Marin di Afrika Utara pula, Ezad Azraai dan Mohamad Zulfazdlee (2014) turut memfokuskan isu berkaitan kekuatan ketenteraan laut kerajaan Islam ini. Isu ketenteraan Banu Marin ini turut dijadikan subjek kajian Mohamad Zulfazdlee (2012). Sementara itu, Ammalina Dalillah (2015) turut meneliti isu berkaitan sains dan teknologi pada era Sultan Muhammad al-Fatih, manakala Siti Zanariah (2013) pula menyentuh aspek dasar pemerintahan Hisham ibn ‘Abd al-Malik semasa memegang tumpuk pemerintahan Kerajaan Umawiyah di Dimashq. Walau bagaimanapun, kajian sejarah ketenteraan Ibn Tulun ini masih mendapat perhatian dalam kalangan penulis Barat seperti Bacharach (1981), William (1990), Swelim (1994), Bianquis (2006), Waterson (2007), Bonner (2010) dan Tillier (2011).

Sejarah Ketenteraan Tuluniyyah Era Ibn Tulun

Ibn Tulun pada awalnya dihantar ke Mesir oleh Khalifah al-Mu‘tazz sebagai seorang naib *wali* (gabenor). Setelah mengukuhkan kedudukannya, Ibn Tulun mengambil langkah berani dengan mengisyiharkan kerajaannya bebas daripada penguasaan *Khilafah* ‘Abbasiyah, lalu menjadikan wilayah Mesir dan Sham pada ketika itu sebagai sebuah wilayah autonomi dan merdeka. Seterusnya, beliau berusaha mengukuhkan pasukan tenteranya bagi menjaga kedaulatan wilayah Mesir dan Sham yang sering terdedah kepada ancaman musuh. Akhirnya, beliau berjaya menubuhkan angkatan tentera Kerajaan Tuluniyyah, iaitu *The Tulunid Army* yang memegang sepenuhnya kuasa *command and control* (perintah dan kawalan) di tangan beliau (Brockelmann 1979: 138). Ketenteraan Tuluniyyah di Mesir boleh dibahagikan kepada ketenteraan darat dan ketenteraan laut.

Ketenteraan Darat

Aspek ketenteraan begitu penting sebagai benteng kekuatan sesebuah kerajaan bagi mengimbangi kestabilan dan keutuhan politik (Burhanuddin 2016: 21). Menurut catatan al-Maqrizi (1996, 1:177) dan Bianquis (2006: 98), langkah pertama yang dilakukan Ibn Tulun ialah dengan meningkatkan keanggotaan pasukan tentera darat sedia ada yang dibawanya dari Baghdad dan Tarsus berjumlah seramai 7,000 orang semuanya. Peluang keemasan muncul apabila Khalifah al-Muhtadi mengarahkan beliau menyiapkan angkatan tenteranya bagi menumpaskan pemberontakan Abu ‘Isa ibn al-Shaykh al-Shaybani, gabenor Sham pada tahun 256H/870M (Brockelmann 1979: 138; Gordon 2000: 617). Berdasarkan perincian Qamar (2011: 37), Ibn Tulun dengan pantas meminta Khalifah menyediakan peruntukan kewangan yang besar bagi membeli tentera dari pelbagai latar belakang bangsa dan etnik, sama ada dari Turki, Sudan, Rom, Arab, Mesir, Maghribi dan Parsi. Justeru, Ibn Tulun mula membelitentera hamba Turki atau *ghulam* melebihi 24,000 orang, tentera berkulit hitam dari Sudan (Afrika)

melebihi 40,000 orang, tentera Rom dan Parsi dengan jumlah yang cukup ramai, di samping 7,000 orang tentera tetap berbangsa Arab (al-Maqrizi 1996, 1:177).

Sementara itu, garapan Bacharach (1981: 477) menyatakan bahawa tentera Ibn Tulun pada peringkat awalnya terdiri daripada orang Parsi dan tentera hamba Turki. Kemudiannya, barisan pertama ini disertai pula oleh tentera kulit hitam dari Sudan. Kajian Swelim (1994: 50), merumuskan bahawa bilangan tentera Ibn Tulun sebenarnya mencapai jumlah 100,000 orang yang lengkap dengan peralatan persenjataan. Angka ini cukup besar bagi sebuah kerajaan Islam yang baharu bertapak pada waktu itu. Bahkan, jumlah ini menurut beliau tidak mengambil kira bilangan tentera yang sedang berkhidmat di wilayah Sham yang dipimpin oleh panglima Lu'lu'.

Dalam pada itu, beberapa penulis seperti Brockelmann (1979: 138), Waterson (2007: 37) dan Zaydan (1981: 242) menegaskan bahawa aspek ketenteraan hamba yang berasal daripada golongan Turki, Rom, Parsi, Sudan dan Maghribi ini telah memberi sumbangan yang penting dalam pemerkasaan dan keupayaan angkatan tentera Ibn Tulun. Ini memandangkan faktor kelebihan ketenteraan hamba yang amat berani, tahan lasak dan berpengalaman luas di medan perang. Bahkan, penulisan Gordon (2000: 617) mencatatkan tentera Tulun begitu besar dan ampuh sehingga diberi jolokan ‘tentera hitam’ dan ‘tentera merah’ yang masing-masing merujuk dua jenis warna kulit yang mendominasi pasukan tenteranya, iaitu dari Sudan (Afrika) dan Parsi (Greek). Menurut Gordon (2000: 617) lagi, Ibn Tulun turut membawa masuk tentera berbangsa Ghur, Afghanistan yang diberikan peranan sebagai pasukan elit untuk memberi perlindungan kepada beliau secara khusus. Menurut sejarawan al-Ya‘qubi (1883, 2:624), semua tentera Tulun akan melaksanakan sumpah setia secara peribadi (aku janji) bagi mempertahankan negara yang disebut sebagai *bay‘at li nafsih*.

Secara umumnya, angkatan tentera Ibn Tulun dikategorikan kepada beberapa jenis tentera berdasarkan pembahagian penugasan dan kepakaran mereka, iaitu pasukan berjalan kaki (infantri), tentera berkuda, tentera memanah, tentera mengendalikan senjata berat, tentera perisikan dan tentera laut. Bahkan, menurut pandangan al-Safadi (2003: 104), Ibn Tulun berjaya memanipulasi penggunaan tentera perisikan bagi memantau keselamatan negara dengan dekat melalui sumber maklumat yang tepat. Berdasarkan maklumat ini, tidak hairanlah beliau berjaya menghadapi perperangan dan memadamkan pemberontakan kerana keupayaan angkatan tenteranya yang begitu tinggi serta kepakaran yang dimiliki oleh mereka melalui kepelbagaiannya bangsa dan wilayah yang menganggotai angkatan tenteranya.

Kekuatan ketenteraan darat ini menjadi senjata penting dalam menangani isu-isu pemberontakan yang didalangi oleh beberapa gerakan Syiah seperti gerakan Bugha al-Akbar (254H/868M), Bugha al-Asghar (255H/869M), Ibn al-Sufi al-‘Alawi (256H/870M), ‘Abd al-Rahman al-‘Umari (256H/870M), Abu Ruh (260M/874M) dan beberapa kumpulan seumpamanya lagi. Kekuatan ketenteraan Ibn Tulun mencapai titik maksimumnya apabila digunakan untuk menakluki wilayah Sham dan Tarsus pada tahun (256H/870M) tanpa berlakunya sebarang pertempuran senjata kecuali sedikit tentangan di Tarsus (al-Bustani t.th.: 368; Kashif 1965: 91-93).

Ketenteraan Laut

Menurut laporan al-Balawi (1939: 86) dan al-Kindi (2003: 163), idea Ibn Tulun menujuhkan armada lautnya timbul selepas krisis berlaku antara beliau dengan al-Muwaffaq, abang kepada

Khalifah al-Mu'tamid yang bercita-cita ingin menyingkirkan daripada menjadi pemerintah Mesir pada tahun 263H/877M. Tindakan mengukuhkan pertahanan wilayah Mesir dengan menubuhkan angkatan tentera lautnya sendiri diambil bagi mengawal pesisir pantai sepanjang Mesir dan Sham serta menjaga sistem perhubungan di kawasan tersebut. Ibn Tulun juga memberi perhatian kepada pembinaan pangkalan tentera laut dan limbungan kapal serta kilang untuk membuat kapal perang yang dikenali sebagai *Dar al-Sina'ah* di Mesir seperti di al-Iskandariyyah, Pulau Rawdah, Dimyat, Tinnis, al-Farama, Rashid dan al-Qulzum (Qamar 2011: 173-219). Sementara bagi wilayah Sham ialah seperti 'Akka, Sur, Sayda, Tarabulus, Tarsus dan Yafa.

Bianquis (2006: 98) mencatatkan struktur pembinaan *Dar al-Sina'ah* dan kubu pertahanan di Mesir begitu berkualiti sehingga mampu bertahan melebihi tiga kurun hasil sentuhan dan kepakaran teknologi seorang jurutera binaan yang juga merupakan datuk kepada ahli geografi terkenal, iaitu al-Muqaddasi. Fakta lain yang menarik menurut pemerhatian al-Balawi (1939: 86) dan Kashif (1965: 140), mereka menyatakan tindakan Ibn Tulun menguatkan kubu pertahanan di Pulau Rawda, Mesir bertujuan untuk menjadi gudang penyimpanan harta wilayah dengan lebih selamat, di samping berperanan sebagai lokasi paling berkesan untuk melindungi keluarganya daripada serangan Musa ibn Bugha. Lantas, tidak hairanlah ketika Musa ibn Bugha diarah untuk menyerang Mesir, beliau gagal berbuat demikian dan pulang ke Baghdad dengan natijah kegagalan.

Perincian jenis dan bentuk serta fungsi kapal perang Ibn Tulun juga disentuh dengan terperinci dalam pencerakinan Qamar (2011: 239-247). Antaranya ialah *al-Barijah*, *al-Harraqah*, *al-Hama'im*, *al-Hamalah*, *Harbi*, *al-Safinah*, *al-Zawraq*, *al-Sumayriyyah*, *al-Sunbuk*, *al-Shazah*, *al-Shalandi*, *al-Shini*, *al-Sandal*, *al-'Ishari*, *al-'Alabiyyat* dan *Qawarib al-Khidmah*. Secara umumnya, kapal-kapal perang ini terbahagi kepada dua jenis penugasan, iaitu untuk tujuan pertempuran dan bantuan perkhidmatan. Kapal-kapal tempur seperti *al-Barijah*, *al-Harraqah*, *Harbi*, *al-Sumayriyyah*, *al-Sunbuk*, *al-Shazah*, *al-'Ishari* dan *al-Shalandi* akan digerakkan untuk beroperasi di *first line* (barisan hadapan) medan pertempuran dengan diiringi oleh kapal pengiring kecil yang turut dilengkapi dengan kelengkapan persenjataan seperti kapal *al-Hama'im*, *al-Safinah*, *'Alabiyyat* dan *Qawarib al-Khidmah*.

Ibn Tulun begitu serius memberi perhatian dalam industri pembuatan kapal bagi kegunaan angkatan lautnya untuk mengawal dan menguasai kawasan perairan di Mesir dan Sham. Menurut Qamar (2011: 153), armada laut Ibn Tulun dapat menyaingi kekuatan angkatan laut Rom, khususnya di perairan Laut Mediterranean. Bahkan menurut laporan al-Tabari (1967, 9:545) dan Ibn al-Athir (1997, 6:363), kekuatan armada laut Ibn Tulun memaksa Kerajaan Basil atau Basel, Rom untuk mengadakan gencatan senjata dan memulangkan kembali tawanan Islam yang ditangkap pada tahun sebelumnya. Kerancakan industri pembuatan kapal mencapai kemuncaknya apabila *Dar al-Sina'ah* yang berpusat di Tarabulus, Sham direkodkan telah menampung sebanyak 1,000 buah kapal perang dalam satu-satu masa (al-Ya'qubi 2001: 164).

Antara kejayaan yang diraih oleh tentera laut Ibn Tulun ialah keupayaannya menangani pemberontakan gabenor Barqah, Muhammad ibn al-Faraj al-Farghani pada tahun 261H/875M. Meskipun armada laut Ibn Tulun belum diwujudkan secara rasmi pada masa ini, namun mengikut laporan al-Balawi (1939: 70), Ibn Tulun sudahpun menggunakan kapal pengangkut untuk membawa senjata berat beliau seperti *al-Dabbabah* dan *al-Manjaniq*. Pada tahun 268H/881M pula, tentera Ibn Tulun yang dipimpin oleh *amir al-Thughur*, Khalaf al-Farghani

menggempur tentera Rom dengan menggunakan kekuatan armada laut mereka yang berpangkalan di Tarsus sebagai tindak balas mereka terhadap penawanannya Malatyah (al-Tabari 1967, 9:612).

Al-Qata'i' sebagai Markas Tentera

Kewujudan markas penempatan tentera merupakan aspek penting dalam memberi nilai tambah berupa kebajikan dan motivasi yang tinggi terhadap sesebuah organisasi ketenteraan. Ibn Tulun mengasaskan kota al-Qata'i', yang terletak di utara Fustat pada tahun 256H/870M dan menjadikannya sebagai ibu negeri Mesir. Kota ini terletak di atas Bukit Yashkur, di antara Fustat dan Bukit al-Muqattam. Beliau membina *al-Qasr*, sebuah istana besar sebagai kediaman rasminya yang mempunyai beberapa buah pintu (Ibn Taghri Birdi 1932, 3:16; al-Qalqashandi 1922, 3:376). Di hadapan istana tersebut, terdapat *al-Maydan*, iaitu sebuah padang luas yang digunakan untuk melatih para tenteranya dan mengadakan perbarisan ketenteraan. Penempatan anggota tentera turut dibina di sekeliling istana tersebut. Beliau memberikan satu kawasan khas kepada setiap golongan tenteranya. Misalnya, tentera Sudan mempunyai satu kawasan, tentera Turki mempunyai satu kawasan lain, dan tentera Rom juga mempunyai satu kawasan, bersesuaian dengan nama al-Qata'i' itu sendiri (al-Maqrizi 1996, 2:119).

Justeru, dapatlah difahami pengertian nama al-Qata'i' kerana Ibn Tulun membahagikan daerah tersebut kepada beberapa buah bahagian kecil seperti *al-qati'ah* atau blok yang dikhususkan secara tetap kepada anggota tenteranya mengikut etnik dan bangsa, sesuai dengan kelas sosial dan kebudayaan mereka. Pada masa yang sama juga, justifikasi pembinaan al-Qata'i' dilakukan ialah bagi menempatkan anggota tenteranya yang amat ramai, iaitu berjumlah 10,000 tentera darat yang lengkap bersenjata dan juga peralatan ketenteraan lain. Ini bertujuan mengelakkan tenteranya daripada berasak-asak dalam kem yang boleh mendatangkan ketidakselesaan dan mendedahkan situasi merbahaya kepada pasukannya (Swellim 1994: 50).

Kepesatan dan kemajuan al-Qata'i' semakin dirasai apabila beberapa kemudahan asas yang lain turut dibangunkan seperti pembinaan Masjid Ibn Tulun pada tahun 264H/878M. Idea menempatkan tenteranya yang amat ramai dalam satu penempatan ini juga ditiru berdasarkan apa yang diaplikasikan oleh para Khalifah 'Abbasiyyah yang membina kota Samarra' bagi menempatkan askar mereka yang ramai. Menurut al-Ya'qubi (1883, 1:216), Ibn Tulun membelanjakan wang sebanyak 120,000 dinar bagi menyempurnakan pembinaan masjid ini.

Walau bagaimanapun, kompleks al-Qata'i' ini telah dimusnahkan oleh Muhammad ibn Sulayman al-Katib, panglima perang 'Abbasiyyah yang telah menyerang dan merampas kembali Mesir daripada pemerintahan Tuluniyyah pada tahun 292H/905M ('Abid 2015: 14).

Siri Peperangan dan Pemberontakan

Semenjak Ibn Tulun menjajakkan kakinya ke bumi Mesir pada bulan Ramadan 254H/September 868M, beliau berusaha untuk meningkatkan pengaruhnya dan menunjukkan kebijaksanaan dalam menjalankan pemerintahannya. Namun begitu, peringkat awal kerjaya politiknya amat mencabar apabila timbul beberapa gerakan Syiah dan beberapa konflik yang perlu ditangani dengan baik oleh Ibn Tulun bagi memelihara kestabilan politik dan keamanan dalam wilayah di Mesir dan Sham.

Wilayah Mesir dan Iskandariyyah

Penentangan terawal yang dihadapi oleh Ibn Tulun setelah beberapa bulan beliau memasuki Mesir, datangnya daripada seorang ekstremis Syiah, iaitu Ahmad ibn Muhammad ibn ‘Abd Allah al-Tabataba’i atau lebih dikenali dengan Bugha al-Asghar pada tahun 255H/869M. Pada awalnya, beliau dan pengikutnya menetap di al-Kana’is, iaitu sempadan di antara Iskandariyyah dan Barqah (al-Huwayri 2002: 104-105). Seterusnya beliau berpindah ke al-Sa‘id yang merupakan pusat penempatan kabilah Arab sejak pembukaan Mesir. Di sini, beliau berjaya mempengaruhi kabilah-kabilah Arab tersebut dengan mendakwa dirinya merupakan jurai keturunan daripada keturunan ‘Ali ibn Abi Talib KW. Bagi mengatasi pemberontakan ini, Ibn Tulun dengan pantas menghantar panglimanya, Bahm ibn al-Husayn untuk melaksanakan operasi ketenteraan dan akhirnya dia berjaya ditangkap dan dijatuhi hukuman bunuh. Kepalanya dibawa ke Fustat pada bulan Syaaban di musim panas tahun yang sama.

Pada tahun yang sama juga, seorang individu lain juga mengaku mempunyai kaitan dengan ‘Ali ibn Abi Talib KW. Beliau ialah Ibrahim ibn Muhammad ibn Yahya atau lebih masyhur dengan gelaran Ibn al-Sufi al-‘Alawi. Beliau telah menimbulkan kekacauan yang berlanjutan selama dua tahun dan bertindak melakukan pembunuhan beramai-ramai dengan kejam ke atas penduduk Isna, di Sa‘id Mesir dan bandar Qus pada tahun berikutnya. Menurut laporan Ibn Taghri Birdi (1932, 3:6-7) dan al-Kindi (2003: 160), Ibn Tulun telah mengirim pasukan tentera di bawah kepimpinan Ibn Zedad tetapi pasukan ini mengalami kekalahan dan Ibn Zedad sendiri terkorban apabila ditangkap, dipotong kedua tangan dan kakinya serta disula. Akhirnya, Ibn Tulun sekali lagi memilih Buhm ibn al-Husayn yang diperkuatkan dengan Ibn ‘Ujayf untuk mengalahkan mereka berdekatan dengan bandar Akhmim.

Berdasarkan laporan Ibrahim (t.th.: 2-3), pada tahun 259H/873M penduduk di al-Sa‘id, Mesir sekali lagi menghadapi kesusaahan kerana tindakan Kabilah al-Bujat yang sewenang-wenangnya melakukan pembunuhan, rompakan dan merampas barang-barang perniagaan. Penderitaan mereka berakhir apabila muncul seorang lelaki bernama ‘Abd al-Rahman al-‘Umari yang berjaya mengalahkan Kabilah al-Bujat lalu mengembalikan keamanan kepada penduduk di situ. Setelah pengunduran al-Bujat, timbul masalah yang lebih serius apabila al-‘Umari pula mengumumkan dirinya sebagai ketua dan bertindak mengenakan cukai perlindungan kepada penduduk al-Sa‘id. Apabila berita ini sampai kepada pemakluman Ibn Tulun, beliau mengutus pasukan tenteranya untuk menghapuskan al-‘Umari. Setelah dibunuh oleh orang beliau sendiri, kepalanya juga dibawa kepada Ibn Tulun.

Selain Mesir, pemberontakan turut berlaku di wilayah Iskandariyyah. Pada tahun 260M/874M, saki baki pengikut Ibn al-Sufi al-‘Alawi, iaitu seorang lelaki yang digelar Abu Ruh dan pengikutnya telah melakukan beberapa siri rompakan dan kegiatan menyamun di jalanan. Aktiviti mereka semakin serius apabila menyerang Fayyum. Bagi mengatasi situasi tersebut, Ibn Tulun mengatur gerak sebuah angkatan tentera yang dipimpin oleh Yalbaq al-Tursi untuk melumpuhkan kegiatan mereka ini.

Wilayah Barqah

Keberadaan Barqah dalam kekuasaan Ibn Tulun amat signifikan dari sudut geo politik Kerajaan Tuluniyyah. Berdasarkan catatan Ibn al-Athir (1997, 6:428), setelah Barqah dikuasai Ibn Tulun,

aktiviti pembinaan kubu pertahanan, rumah pengawal dan rumah api di sepanjang pesisir pantai dan jalan perhubungan darat antara Libya dan Mesir semakin rancak berkembang. Ia menjadi medium terkini untuk memudahkan penerimaan maklumat dan pesanan penting. Dikatakan maklumat yang dihebahkan daripada menara Masjid Sabtah di pantai Ifriqiyyah pada sebelah siangnya mampu sampai ke Iskandariyyah pada malam yang sama. Ia juga memudahkan umat Islam untuk datang ke Makkah menunaikan haji kerana kewujudan perhubungan jalan darat yang baik dan jaminan keselamatan yang tinggi.

Justeru, apabila gabenor Barqah, iaitu Muhammad ibn al-Faraj al-Farghani melancarkan pemberontakan pada tahun 261H/875M dan memilih untuk keluar daripada pemerintahan Kerajaan Tuluniyyah, misi menawan kembali Barqah ini terus dilancarkan dan menjadi fokus utama yang perlu diselesaikan. Ibn Tulun menghantar pasukan tentera yang besar dan kuat yang diketuai oleh panglimanya, Lu'lu'. Pada awalnya, Ibn Tulun berpesan kepada beliau supaya menggunakan pendekatan berlembut terlebih dahulu dan menjadikan perang sebagai pilihan terakhir. Walau bagaimanapun, penduduk Barqah berkeras untuk berperang sehingga pertumpahan darah berlaku yang memihak kepada kemenangan Lu'lu'. Tentera Tulun berjaya memasuki Barqah dan menawan kembali wilayah ini. Saki baki musuh ditawan lalu dibawa ke Fustat untuk menerima hukuman.

Wilayah Sham

Semasa Ibn Tulun memasuki Fustat, Abu 'Isa ibn al-Shaykh al-Shaybani telah diangkat menjadi gabenor Sham sebagai wakil kepada Khalifah al-Muhtadi. Walau bagaimanapun, beliau telah bertindak di luar batasan apabila menggunakan kedudukannya untuk menubuhkan rejim autonomi yang baru di Sham pada tahun 256H/870M. Beliau dan pengikutnya juga bertindak memintas kafilah yang membawa hasil cukai daripada Mesir yang menuju ke Baghdad dan mencuri hadiah negara bernilai 750,000 dinar dan tiga tan emas tulen yang telah dipungut oleh Ibn al-Mudabbir di Mesir. Khalifah al-Muhtadi menawarkan pengampunan umum, dan sebagai tukarannya beliau dikehendaki memulangkan kembali segala harta negara yang dirampasnya, tetapi Abu 'Isa ibn al-Shaykh al-Shaybani enggan bekerjasama. Menurut Kashif (1965: 64) yang menukilkan pandangan al-Maqrizi (1996, 2:122), beliau berkata bahawa Abu 'Isa ibn al-Shaykh al-Shaybani bukan hanya semata-mata ingin memberontak terhadap khalifah, tetapi faktor utama yang menyebabkan terjadinya sedemikian ialah kerana beliau ingin menguasai Mesir dan melihat Ibn Tulun sebagai pesaingnya yang perlu dimusnahkan.

Justeru, tiada jalan lain bagi khalifah melainkan memberikan arahan kepada Ibn Tulun untuk memeranginya. Namun, di saat akhir Khalifah al-Mu'tamid telah berubah fikiran dan tugas memerangi al-Shaybani diserahkan pula kepada Amajur, panglima tentera Turki yang menjadi gabenor Dimashq ketika itu. Kemenangan Amajur memberikannya peluang menduduki jawatan sebagai penguasa Sham. Amajur menggunakan kedudukannya pula untuk berkonspirasi dgn Ibn al-Mudabbir dan berusaha menjatuhkan Ibn Tulun. Kematian Khalifah al-Mu'tamid pada tahun 264H/877M telah memberikan kelegaan yang besar buat Ibn Tulun kerana tiada lagi ancaman daripada pakatan Ibn al-Mudabbir dan Amajur. Hal ini membuka peluang kepada Ibn Tulun untuk meluaskan kuasanya dengan menawan seluruh Sham bermula di Ramlah, Dimashq, Hims, Hamah, Halab, Harran, al-Raqqah dan Antakiyyah (Kashif 1965: 91-94). Misi menguasai Sham ini merupakan kemuncak kepada pencapaian Ibn Tulun dalam

memperluaskan pemerintahannya. Pada masa ini, Kerajaan Tuluniyyah telah mencakupi wilayah Mesir, Sham dan Barqah.

Wilayah Tarsus

Di penghujung pemerintahan Ibn Tulun, beliau terpaksa menghadapi satu lagi pemberontakan yang dilakukan oleh Yazman al-Khadim yang berjaya mempengaruhi penduduk Tarsus untuk menggulingkan penguasa Tarsus lantikan Ibn Tulun. Seterusnya, Yazman al-Khadim bertindak mengiktiraf dirinya menjadi penguasa baharu di situ. Ibn Tulun bersama tenteranya berjaya mengepung Yazman al-Khadim di kota Tarsus. Namun begitu, Yazman al-Khadim telah membuat persiapan yang rapi dalam menghadapi kekuatan tentera Ibn Tulun. Beliau memasang *al-manjaniq* di sekeliling tembok pertahanannya sehingga menyukarkan tentera Ibn Tulun untuk merapatinya. Lebih memburukkan keadaan, perperangan ketika itu berlaku dalam musim dingin dan cuaca hujan serta bersalji. Pengepungan yang dilakukan di luar kota tanpa persiapan yang cukup menghadapi senario ini begitu menyukarkan Ibn Tulun. Ketika tentera Ibn Tulun menjadi semakin lemah dan letih, Yazman al-Khadim mengambil peluang menyerang tentera Ibn Tulun daripada Sungai al-Barwan yang membuatkan Ibn Tulun terpaksa berpatah balik ke Adanah, dan seterusnya mengundurkan diri ke al-Masisah. Menurut catatan William (1990: 229), operasi ini menjadi antara penyebab Ibn Tulun meninggal pada 10 Zulkaedah 270H/10 Mei 883M kerana diserang oleh penyakit kolera yang dihidapinya.

Kesimpulan

Berdasarkan kupasan di atas, dapat disimpulkan bahawa aspek ketenteraan menjadi teras terpenting dalam pemerintahan Ibn Tulun. Hal ini dapat dilihat melalui gagasan awal penubuhan tentera beliau yang dikenali sebagai tentera Tuluniyyah. Sejak awal penubuhannya, Ibn Tulun sudah bercita-cita untuk menjadikan kekuatan tenteranya sebagai tunjang kepada pengekalan kuasa politiknya dan bukannya sekadar retorik. Keazamannya ternyata berbaloi apabila benteng terakhir Ibn Tulun ini beberapa kali berjaya mematahkan gerakan pemberontakan dan seterusnya menguasai pula wilayah Sham tanpa sebarang pertempuran. Kemuncak kepada keunggulan angkatan tenteranya ini dapat disaksikan menerusi tindakan beliau mengisytiharkan penubuhan Kerajaan Tuluniyyah yang berdaulat. Hal ini bukanlah sesuatu yang sukar bagi Ibn Tulun. Sejak kecil lagi, beliau diasuh dengan pendidikan keagamaan dan ketenteraan untuk mencari reda Ilahi melalui jalan jihad. Kejayaannya membentuk sebuah kerajaan autonomi memudahkan gerak kerja beliau untuk meneruskan prinsip jihad ini. Ibn Tulun amat beruntung keranakekayaan khazanah bumi Mesir memudahkan projek pembangunan angkatan tenteranya dengan membeli dan membawa masuk tentera-tentera daripada pelbagai bangsa seperti Turki, Sudan, Rom, Arab, Mesir, al-Maghrib dan Parsi. Bahkan, angkatan tenteranya turut digelar sebagai ‘tentera hitam’ dan ‘tentera merah’ kerana keunikan adunan dan gabungan etnik ini. Kejayaannya bukan datang secara kebetulan tetapi lahir daripada keterampilan karakter dan ketokohnanya sebagai seorang ketua negara dan panglima perang yang ‘bitara’, bahkan turut dibantu oleh kepintarannya menguasai bidang politik dan pentadbiran.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Kumpulan Penyelidikan Kajian *Maghazi* yang dibiayai oleh Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Angkatan Tentera Malaysia dengan kod: PP-2018-006; serta Kumpulan Penyelidikan Sejarah Ketenteraan Islam (SAKTI) dengan kod: GUP-2015-011 dan INDUSTRI-2012-006.

Rujukan

- ‘Abid, ‘Iyad Ahmad Muhammad. 2015. al-Hara’iq fi Misr wa bilad al-Sham mundhu bidayat al-Dawlah al-Tuluniyyah hatta nihayat Dawlat al-Mamalik. Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah dan Arkeologi, Fakulti Sastera, Islamic University of Gaza.
- Ammalina Dalillah Mohd Isa. 2015. Sains dan teknologi era Sultan Muhammad al-Fatih. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bacharach, J.L. 1981. African military slaves in the medieval Middle East: The cases of Iraq (869-955) and Egypt (868-1171). *Journal of Middle East Studies* 13 (4): 171-193.
- al-Balawi, Abu Muhammad ‘Abd Allah ibn Muhammad. 1939. *Sirat Ibn Tulun*. Tahqiq. ‘Ali, Muhammad Kard. Dimashq: al-Maktabah al-‘Arabiyyah.
- Bianquis, T. 2006. Autonomous Egypt from Ibn Tulun to Kafur. Dlm. Petry, C.F. (pnyt.). *The Cambridge History of Egypt*, hlm. 86-119. New York: Cambridge University Press.
- Bonner, M. 2010. Ibn Tulun’s jihad: The Damascus assembly of 269/83. *Journal of The American Oriental Society* 130(4): 573-605.
- Brockelmann, C. 1979. *History of the Islamic People*. Terj. Carmichael, J. & Perlman, M. London: Routledge & Kegan Paul.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah, Ismail Sayuti Ab Ghani & Redwan Yasin. 2017. Institusi ketenteraan sebagai pemelihara aspek Maqasid Syariyyah. *Journal of Education and Social Sciences* 6 (2): 328-334.
- Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani & Amnah Saayah Ismail. 2017. Pendidikan Islam untuk saudara baru anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences* 6(2): 328-334.
- al-Bustani. t.th. *Da’irat al-Ma’arif*. Jil. 11. Bayrut: Dar al-Ma’rifah
- Ezad Azraai Jamsari & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2014. The Marinid Naval Force according to historical perspective. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(29): 26-32.
- Ezad Azraai Jamsari, Adibah Sulaiman, Kamaruzaman Jusoff, Noor Inayah Yaakub, Wan Kamal Mujani, Wan Mohd Hirwani Wan Hussain, Zinatul Ashiqin Zainol & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2011. The legacy of the Nasrid Kingdom’s (1238-1492 A.D.) good governance in Granada. *Middle East Journal of Scientific Research* 7: 131-140.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Mohd. Roslan Mohd Nor. 2013. Perbahasan sejarah Islam di India dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 35(2): 35-46.
- Ezad Azraai Jamsari. 2002. Kerajaan Nasriyyah di Granada: Satu kajian mengenai sumbangan tamadun dan kelangsungan politik kuasa Islam di Andalus. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faraj, Muhammad. 1979. *al-Madrasah al-‘Askariyyah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Gordon, M.S. 2000. Tulunids. Dlm. Bearman, P.J. (pnyt.). *The Encyclopaedia of Islam*, hlm. 616-618. Jil. 10. Leiden: E.J. Brill.
- Hitti, P.K. 1968. *History of the Arabs, from the Earliest Times to the Present*. Ed. ke-9. New York: St Martin’s Press.
- al-Huwayri, Mahmud Muhammad. 2002. *Misr fi al-‘Usur al-Wusta min al-‘Asr al-Masihi hatta al-Fath al-‘Uthmani*. t.t.p.: t.pt.
- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Muhammad al-Jazari. 1997. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Tahqiq. Tadmuri, ‘Umar ‘Abd al-Salam. Jil. 6. Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

- Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz. 1998. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. al-Turki, 'Abd Allah 'Abd Muhsin. Jil. 14. t.t.p.: Dar al-Hijr.
- Ibn Khaldun, 'Abd Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad. 2000. *Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Tarikh al-'Arab wa al-Barbar wa Man 'Asarahum min Dzawi al-Sha'n al-Akbar*. Tahqiq. Shuhadah, Khalil & Zakkari, Suhayl. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khallikan, Abu al-'Abbas Shams al-Din Ahmad ibn Muhammad ibn Abi Bakr. 1968. *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Tahqiq. 'Abbas, Ihsan. Jil. 1. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn Taghri Birdi, Jamal al-Din Abu al-Muhasin Yusuf. 1932. *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*. Jil. 3. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Ibrahim, Muhammad 'Abd Salam 'Abbas. t.th. *al-Jaysh wa Fikrah Istiqlal Misr khilal Fatrah Hukm Ahmad ibn Tulun*. t.t.p.: Maktabat Iskandariyyah.
- Kashif, Sayyidah Isma'il. 1965. *Ahmad ibn Tulun*. al-Qahirah: al-Mu'assasah al-Misriyyah al-'Ammah.
- Kennedy, H. 1996. *Muslim Spain and Portugal: A Political History of al-Andalus*. London: Addison Wesley Longman Limited.
- Kennedy, H. 2001. *The Armies of the Caliphs: Military and Society in the Early Islamic State*. London and New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Kennedy, H. 2007. *The Great Arab Conquests*. Philadelphia: Da Capo Press.
- al-Kindi, Muhammad ibn Yusuf ibn Ya'qub al-Kindi al-Misri. 2003. *Kitab al-Wulah wa al-Quudad*. Tahqiq. Isma'il, Muhammad Hasan Muhammad Hasan & al-Mazidi, Ahmad Farid. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Lane-Poole, S. 2008. *A History of Egypt in Middle Ages*. Jil. 24. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din. 1994. *al-'Askariyyah fi al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Maqrizi, Ahmad ibn 'Ali ibn 'Abd Qadir Abu al-'Abbas al-Husayni al-'Ubaydi Taqi al-Din. 1996. *al-Mawa'iz wa al-I'tibar fi Dhikri al-Khitat wa al-Aثار*. Jil. 1 & 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2012. Kerajaan Banu Marin di Fas (1215-1465M): Satu kajian sejarah terhadap aspek ketenteraan di al-Maghrib dan al-Andalus. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pyror, J.H. 1988. *Geography, Technology and War: Studies in the Maritime History of the Mediterranean, 649-1571*. Cambridge: Cambridge University Press.
- al-Qalqashandi, Abu al-'Abbas Ahmad. 1922. *Subh al-A'sha fi Sina'at al-Insha'*. Jil. 3. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Qamar, Mahmud Ahmad Muhammad. 2011. *al-Jaysh al-Misri fi 'Ahd al-Dawlah al-Tuluniyyah*. al-Jizah: 'Ayn li al-Dirasah wa al-Buhuth al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyyah.
- al-Safadi, al-Hasan ibn Abi Muhammad 'Abd Allah al-Hashimi al-'Abbasi. 2003. *Nuzhat al-Malik wa al-Mamluk*. Tahqiq. Tadmuri, 'Umar 'Abd al-Salam. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Shalabi, Ahmad. 1990. *Mawsu'at al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Siti Zanariah Zakaria. 2013. Dasar pemerintahan Hisham b. 'Abd al-Malik dalam usaha pengekalan kuasa Kerajaan Umawiyah. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti.
- Swelim, T. 1994. The mosque of Ibn Tulun: A new perspective. Tesis Doktor Falsafah. Department of Fine Arts, Harvard University.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. 1967. *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Jil. 9. Bayrut: Dar al-Turath.
- Tillier, M. 2011. The qadis of Fustat-Misr under the Tulunids and the Ikhshidids: The judiciary and Egyptian autonomy. *Journal of The American Oriental Society* 131(2): 207-222.
- al-Waqidi, Muhammad ibn 'Umar. 1989. *al-Maghazi*. Tahqiq. Maris & Jones. Bayrut: Dar al-A'lami.
- Waterson, J. 2007. *The Knight of Islam: The Wars of the Mamluks*. London: Greenhill Book.
- William, R.E. 1990. The Tulunid dynasty in Egypt: Loyalty and state formation during the dissolution of the Abbasid Caliphate. Tesis Doktor Falsafah. Department of History, University of Utah.
- al-Ya'qubi, Ahmad ibn Abi Ya'qub ibn Ja'far. 1883. *Tarikh Ya'qubi*. Jil. 1 & 2. Leiden: E.J. Brill.
- al-Ya'qubi, Ahmad ibn Abi Ya'qub ibn Ja'far 2001. *al-Buldan*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zaydan, Jurji. 1981. *Umayyads and Abbasids*. Terj. Margoliouth, D.S. New Delhi: Kitab Bhawan.